

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN ABDUL  
RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesediaan Kerajaan untuk mengkaji dan mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong untuk membebaskan bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap banduan yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah berhak untuk mengemukakan petisyen pengampunan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong / Raja/Sultan/Tuan Yang Terutama di-Pertua Negeri sebagaimana peruntukan Perkara 42(1), Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, seseorang banduan tersebut hendaklah telah melalui semua proses perundangan sebelum mengemukakan petisyen pengampunan.

Pengampunan atau peringanan hukuman terhadap banduan-banduan merupakan hak mutlak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong / Raja/Sultan/Tuan Yang Terutama di-Pertua Negeri yang dilaksanakan dengan nasihat Lembaga Pengampunan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : 9478**

**SOALAN:**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan langkah Kerajaan dalam mengatasi isu status "*stateless children*" yang terdapat begitu ramai di Sarawak. Nyatakan jumlah sedia ada yang terdapat dalam rekod sekarang serta jumlah kes yang telah dipulihkan status mereka semenjak 2008 dan senaraikan mengikut tahun.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana yang dimaklumi, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menyimpan rekod bagi individu yang telah berdaftar bagi urusan Kelahiran dan Kematian, Perkahwinan dan Perceraian (bagi yang bukan beragama Islam) dan juga bagi individu yang telah dikeluarkan Kad Pengenalan. Oleh itu, JPN tidak menyimpan rekod bagi individu yang mendakwa dirinya *stateless* dan pada masa yang sama tidak juga tampil ke JPN untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri yang bersesuaian.

Bagi pendaftaran kelahiran yang berlaku di negeri Sarawak, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sarawak CAP 10) memperuntukkan bahawa setiap kelahiran di Sarawak hendaklah didaftarkan. Sijil Kelahiran yang dikeluarkan oleh JPN adalah bukti bahawa kelahiran tersebut telah berlaku di Malaysia dan ia tidak menyebabkan kanak-kanak tersebut memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dan diteliti dalam penentuan status kewarganegaraan seperti tarikh dan tempat kelahiran, taraf kewarganegaraan serta status perkahwinan ibu dan bapa seperti mana diperuntukkan di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Perlu ditegaskan juga bahawa status “Bukan Warganegara” yang tertera dalam Sijil Kelahiran seseorang kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia tidak merujuk kepada *stateless*. Status “Bukan Warganegara” ini diberikan kerana merujuk kepada maklumat ibu dan bapa yang merupakan warga asing atau kanak-kanak tanpa maklumat ibu dan bapa atau tidak dapat membuktikan tuntutan kewarganegaraan Malaysia.

Berhubung dengan isu *stateless* yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, istilah *stateless* secara umumnya adalah merujuk kepada seseorang yang pada masa ini tidak bernegara iaitu beliau tidak memiliki kewarganegaraan mana-mana negara di dunia ini. Berdasarkan kepada istilah tersebut, sepatutnya di Malaysia tiada mereka yang berstatus *stateless*. Ini adalah kerana mereka yang tiada negara tidak dibenarkan masuk ke negara ini kerana tiada dokumen perjalanan. Realitinya, golongan ini telah memasuki Malaysia dengan dokumen perjalanan yang sah dan dengan sengaja menyembunyikan maklumat tersebut dengan niat untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri Malaysia.

**Bagi memastikan agar setiap penduduk yang dilahirkan di Malaysia dapat didaftarkan dengan mudah dan *accessible* Kerajaan melalui JPN telah mengambil langkah proaktif seperti:-**

- 1. Program *Outreach* iaitu program turun padang;**
- 2. Program Unit Khas Bergerak (*Mobile Unit*) untuk kemudahan penduduk di kawasan pedalaman; dan**
- 3. Membuka kaunter-kaunter di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).**

**Oleh itu, bagi menggalakkan penyertaan semua pihak, pihak Ahli Yang Berhormat adalah dialu-alukan untuk memanjangkan maklumat sebegini kepada pemohon yang berkecenderungan.**